

# Eusoff enggan ulas kenyataan

Dr. 'Mahathir

UM 15 JUN 2000

KUANTAN 14 Jun — Ketua Hakim Negara, Tun Mohd. Eusoff Chin enggan mengulas kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam mengenai tidak perlunya tribunal diwujudkan untuk menyasat dakwaan kontroversi percutian beliau di New Zealand pada 1994.

Ditanya pemberita untuk mengulas kenyataan Perdana Menteri setibanya di Lapangan Terbang Sultan Ahmad Shah, di sini, hari ini, Eusoff cuma berkata, "Tiada komen. Tiada apa yang hendak dikatakan."

Beliau tiba di Kuantan untuk menghadiri Persidangan Tahunan Majlis Hakim-Hakim Malaysia di sebuah hotel terkemuka di sini yang akan berlangsung dua hari, mulai esok.

*Utusan* difahamkan, persidangan itu dilangsungkan secara tertutup dan tiada sebarang undangan dihantar kepada media massa untuk membuat liputan mengenainya.

Dr. Mahathir semalam berkata, ada agenda politik di sebalik cadangan Majlis Peguam yang mahu mengadakan mesyuarat bagi mengundi penubuhan tribunal menyasat percutian Eusoff di New Zealand itu.

Perdana Menteri juga berkata! ada niat tidak baik di sebalik cadangan itu untuk melagakan hakim di negara ini dan menyingkirkan seseorang daripada jawatannya sebagai Ketua Hakim Negara.